



24 JUL, 2025

## 85 peratus rakyat tidak terkesan tarif elektrik baharu



Berita Harian, Malaysia

Sidang Dewan Rakyat

# 85 peratus rakyat tidak terkesan tarif elektrik baharu



Pelbagai inisiatif, rebat diperkenal jamin terus bela kebaikan rakyat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mengenai pasti 85 peratus rakyat tidak akan terkesan dengan jadual tarif elektrik baharu di Semenanjung bermula 1 Julai lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata ia kerana sebahagian rakyat dan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan mendapat rebat.

"Sekarang ini, hanya 15 peratus yang akan ada pelarasan. Ada kenaikan sedikit, ada juga penurunan walaupun apa sektornya."

"Pendekatan sekarang adalah kecekapan penggunaan tenaga itu sendiri sama ada mahu menggalakkan mereka untuk beralih kepada tenaga boleh baharu atau menggunakan sistem lebih cekap

tenaga dan menurunkan kadar penggunaan.

"Bukan lagi jenis perniagaan, tetapi kadar penggunaan, di mana mereka akan dapat rebat dan insentif. Itu pendekatan kita," katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) berhubung kenyataan Persatuan Pusat Data Malaysia bahawa langkah kerajaan itu akan meningkatkan kos operasi dan kos dilepaskan kepada pengguna serta keuntungan yang dicatatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi suku kedua 2024 sebanyak 1.44 bilion.

#### Labur tambah baik fasiliti

Fadillah yang juga Menteri Persempadaan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, mengenai keuntungan diperoleh TNB, berkata TNB perlu melarub untuk menambah baik dan menaik taraf keperluan pengguna.

"Sekarang ini kita nak memberi tumpuan disebabkan banyak tenaga boleh baharu sudah terpasang. TNB perlu pastikan grid sistem di kemas kini."

"Jika tidak grid sistem tidak boleh mengambil tenaga boleh baharu dan akhirnya menjepas-



Kerajaan memberi jaminan rakyat tidak akan terkesan secara langsung jika berlaku perubahan mendadak terhadap bil elektrik akibat ketidakstabilan harga bahan api di pasaran.

(Foto hiasan)

kan keterjaminan kepada rakyat.

Jadi, segala keuntungan itu sebagaimanya akan dilabur balik untuk meningkatkan sistem grid dan penyampaian kepada rakyat bagi menjamin bekalan tenaga elektrik mampu dibilayai," katanya.

Sementara itu, Fadillah memberi jaminan kebaikan rakyat akan terus terpelihara dan tidak terkesan secara langsung sekiranya berlaku perubahan mendadak terhadap bil elektrik akibat ketidakstabilan harga bahan

api di pasaran.

Katanya, ini kerana PETRA sudah menetapkan nilai ambang yang memerlukan kelulusan menteri bagi kelulusan kadar Pelarasan Automatik Kos Bahan Api (AFA), sekiranya berlaku peningkatan melebihi 10 peratus terhadap caj tenaga asas dan unjuran kos tenaga pada bulan yang akan datang berbanding bulan semasa.

"Ini adalah langkah proaktif kerajaan bagi terus melindungi pengguna elektrik," katanya.

Katanya, Jemaah Menteri pada 11 Jun sudah meluluskan pelaksanaan mekanisme AFA, bagi menggantikan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT), dengan pelarasan kos bahan api akan dilakukan setiap bulan berbanding enam bulan.

Kini kerajaan giat menggalakkan pengguna untuk beralih kepada penggunaan sistem cekap tenaga dan tenaga boleh baharu, dalam memastikan kadar penggunaan tenaga negara dapat dikurangkan.